

BANDINGAN PENYAIR YAHYA M.S DAN SUHAIMI HAJI MUHAMMAD: HABLUN MINALLAH DALAM BERDAKWAH

(A Comparison of the Poets Yahya M.S. and Suhaimi Haji Muhammad: Hابلun Minallah in Preaching)

*Syahwal Nizam Haji Yani*¹
syahwal.yani@ubd.edu.bn

*Maslin Haji Jukim*²
maslin.jukim@ubd.edu.bn

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei.^{1 & 2}

Pengarang koresponden (Corresponding author):²

Rujukan makalah ini (To cite this article): Syahwal Nizam Haji Yani dan Maslin Haji Jukim. (2026). Bandingan penyair Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad: Hابلun minallah dalam berdakwah. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(1), 59–98. [https://doi.org/10.37052/jm.19\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jm.19(1)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	16/3/2025	Semakan: <i>Revised:</i>	10/1/2026	Terima: <i>Accepted:</i>	17/1/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	31/1/2026
------------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (This article has undergone a double blind peer-review process)

Abstrak

Yahya M.S. merupakan penyair prolifik agamawan Brunei yang banyak menghasilkan puisi dan mengemukakan pelbagai isu yang universal. Di Malaysia, penyair prolifik agamawan yang boleh dipadankan ialah Suhaimi Haji Muhammad. Pada awal pelibatan, kedua-dua penyair tersebut memang terkenal dengan sajak-sajak abstrak. Kemudian, kedua-dua penyair memberikan keterbukaan kepada khalayaknya. Walau bagaimanapun, Suhaimi Haji Muhammad masih kental dengan gaya bahasanya yang sukar difahami. Di sebalik gaya penyairan yang tinggi, kedua-dua penyair ini juga aktif mengemukakan tema keagamaan. Ternyata, Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad menggunakan wacana sastera ini sebagai wadah untuk berdakwah. Dakwah yang disampaikan secara tidak langsung mencerminkan hablun minallah (hubungan dengan Allah) dan hablun minannas (hubungan

sesama manusia). Walau bagaimanapun, kajian ini berfokuskan kepada puisi-puisi yang bertemakan hablun minallah. Oleh itu, kajian ini akan membandingkan puisi-puisi Yahya M.S. dan Suhaimi Haji Muhammad untuk mengupas gaya penyairan masing-masing dalam berdakwah. Sungguhpun kedua-dua penyair telah memberikan keterbukaan kepada khalayak dalam memahami puisi yang dihasilkan, namun Suhaimi Haji Muhammad masih kental dengan gaya bahasanya yang sukar difahami.

Kata kunci: Bandingan, dakwah, hablun minallah, penyair, Yahya M.S, Suhaimi Haji Muhammad

Abstract

Yahya M.S. is a prolific Bruneian religious poet who has produced numerous poems addressing various universal issues. In Malaysia, a comparable prolific religious poet is Suhaimi Haji Muhammad. In the early stages of their literary careers, both poets were known for producing abstract poetry. Over time, they adopted a more accessible approach to their audiences. However, Suhaimi Haji Muhammad continues to maintain a linguistic style that is relatively challenging to comprehend. Despite their elevated poetic styles, both poets actively explore religious themes. Clearly, Yahya M.S. and Suhaimi Haji Muhammad use literary discourse as a medium for preaching. This indirect mode of religious expression reflects the concepts of hablun minallah (the relationship between humans and Allah) and hablun minannas (relationships among human beings). Nevertheless, this study focuses specifically on poems themed around hablun minallah. Therefore, this research compares the poems of Yahya M.S. and Suhaimi Haji Muhammad to examine their respective poetic styles in conveying religious messages. Although both poets have opened avenues for audiences to better understand their poetry, Suhaimi Haji Muhammad still retains a language style that is difficult to interpret.

Keywords: Comparison, dakwah, hablun minallah, poet, Yahya M.S., Suhaimi Haji Muhammad

PENDAHULUAN

Negara Brunei Darussalam memiliki ramai penyair Islam yang berpendidikan tinggi dalam bidang agama berbanding negara Melayu lain (Lutfi Abas, 1988). Hashim Haji Abd. Hamid (2002) menegaskan bahawa golongan penulis agama ini istimewa kerana mampu mendalami ilmu agama dengan baik sambil menghasilkan karya sastera bermutu, menjadikan sastera Brunei sebagai sastera Islam yang sebenar. Antara penyair penting ialah Yahya M.S, seorang penyair prolific yang berjaya menghasilkan puisi bercorak Islam berkualiti tinggi. Karya-karyanya bukan sahaja memperkaya aset puisi Islam di Brunei, tetapi juga puisi Melayu amnya (A. Kamis Haji Tuah, 1992). Selain itu, beliau menunjukkan semangat nasionalisme dan patriotisme melalui sajak yang mencerminkan iklim sosiobudaya dan sosiopolitik Brunei (Hashim Haji Abd. Hamid, 2002). Oleh itu, Yahya M.S dianggap wajar

berada di pentas Nusantara sebagai penyair yang memberi sumbangan signifikan dalam memartabatkan keislaman dalam karya sastera.

Walaupun Yahya M.S amat dikenali di Brunei sebagai penyair prolific yang konsisten mengangkat tema keislaman, kedudukan beliau dalam peta kesusasteraan Nusantara wajar diperhatikan melalui perbandingan dengan tokoh penyair Islam dari Malaysia, khususnya Suhaimi Haji Muhammad. Suhaimi merupakan antara penyair Malaysia yang paling menonjol dalam menghasilkan puisi-puisi bernuansa kerohanian dan ketuhanan, malah sering digambarkan sebagai penyair yang berani bereksperimen dengan bentuk serta bahasa puitis yang kompleks. Kedua-dua tokoh ini bukan sahaja berkongsi latar agama yang kukuh, tetapi juga menggunakan puisi sebagai medan penyampaian dakwah dan renungan spiritual kepada masyarakat. Oleh itu, kajian bandingan ini memberikan tumpuan kepada analisis gaya penulisan dan pendekatan dakwah kedua-dua penyair, khususnya dalam menzahirkan mesej hablun minallah – hubungan manusia dengan Allah dalam karya mereka. Melalui kajian perbandingan ini, persamaan, perbezaan dan keberkesanan pendekatan dakwah yang dipersembahkan oleh Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad dalam puisi-puisi mereka dapat diteliti.

PERNYATAAN MASALAH

Puisi dakwah yang dihasilkan oleh Yahya M.S memperlihatkan kepekaan mendalam terhadap persoalan keimanan dan ketakwaan. Melalui sajak-sajaknya, beliau menekankan aspek ibadat, dosa dan pahala, hari pembalasan, kelalaian manusia terhadap dunia serta penentangan terhadap kemungkaran. Fokusnya terhadap isu-isu ketuhanan dapat dilihat dalam karya seperti “Kepada Seorang Atheis” (1962), “Kepada Seorang Wujud” (1967) dan “Seorang Firaun Masa Kini” (1988), yang menunjukkan pendiriannya terhadap fahaman anti-Tuhan, eksistensialisme dan kezaliman moden. Kritikan Hashim Haji Abd. Hamid (2002) memperlihatkan bahawa Yahya M.S merupakan penyair yang tegas dalam memperjuangkan nilai-nilai ketuhanan dan etika Islam.

Namun, jika dibandingkan dengan Suhaimi Haji Muhammad, penyair Malaysia yang sepadan dari segi kecenderungan menghasilkan puisi agama, timbul perbezaan ketara dari segi teknik dan pendekatan penyampaian. Suhaimi sering dianggap berada jauh di hadapan dalam aspek teknik penulisan puisi, sehingga gaya puisinya dikatakan sukar difahami dan sarat dengan makna yang berlapis-lapis. Ramli Isin (1974), A. Samad Said (1960) dan Nahmar Jamil (1971) masing-masing mengkritik puisinya sebagai terlalu kompleks, *surreal* dan menuntut pembaca berfikir dengan lebih mendalam. Malah, Umar Junus (1980) menegaskan bahawa sajak-sajak Suhaimi

lebih merupakan ungkapan emosi yang dilukiskan secara abstrak tanpa kesimpulan yang jelas. Sebaliknya, Yahya M.S turut menghasilkan puisi bertema kritik sosial seperti “Sepanjang Jalan ke Sekolah Melayu” (1988), “Dogengan Seorang Pelaut” (1988) dan “Sebuah Nyanyian” (1988). Kecenderungannya mengungkap suara rakyat dan penderitaan manusia menyebabkan beliau dilihat sebagai penyair yang pesimistik (Baharuddin Zainal, 1964). Walau bagaimanapun, kelebihan Yahya M.S ialah kemampuannya mengekalkan keseimbangan antara dakwah, kemasyarakatan dan keterbukaan kepada khalayak, menjadikan puisinya lebih mudah dihayati.

Kedua-dua penyair ini merupakan tokoh penting dalam perkembangan puisi Islam di negara masing-masing. Namun, menurut Hashim Awang (1994), Yahya M.S bukan sahaja memahami teori Islam, malah mengamalkannya dalam karya, sehingga Lutfi Abas (1988) mengangkat karya penulis Islam Brunei sebagai antara yang paling signifikan di Nusantara. Keunggulan Yahya M.S dalam menjadikan puisi sebagai medium dakwah merakyat yang menimbulkan persoalan tentang sejauh mana keberkesanan pendekatannya jika dibandingkan dengan Suhaimi Haji Muhammad yang lebih cenderung kepada pengabdian bersifat kerohanian peribadi melalui puisi abstrak.

Perbezaan ketara antara kedua-dua penyair ini dari segi gaya, kefahaman, pendekatan dakwah dan tahap keterbukaan terhadap pembaca, menunjukkan wujud jurang kajian yang belum diterokai secara mendalam. Walaupun kedua-duanya dikategorikan sebagai penyair dakwah, tiada kajian komprehensif yang membandingkan keberkesanan penyampaian dakwah hablun minallah dalam puisi mereka. Persoalan utama yang timbul ialah sejauh mana puisi dakwah Yahya M.S lebih berkesan daripada yang disampaikan melalui gaya dan teknik penulisan kompleks puisi Suhaimi. Oleh itu, wujud keperluan untuk meneliti secara kritis dan terperinci sejauh mana kedua-dua orang tokoh menggunakan puisi sebagai wacana dakwah serta menilai keberkesanan mesej ketuhanan yang disampaikan kepada masyarakat.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan meneliti makna dan ideologi tersirat dalam puisi Yahya M.S (Brunei) dan Suhaimi Haji Muhammad (Malaysia), khususnya bagaimana karya mereka mencerminkan pemikiran, jati diri, tanggungjawab, dan nasionalisme serta menjadi medium dakwah berasaskan Islam. Objektif pertama adalah untuk menganalisis sajak kedua-dua penyair yang berlatar pendidikan agama, menilai bagaimana pengalaman mereka sebagai pendidik mempengaruhi puisi bernuansa Islam dan menyampaikan dakwah. Objektif kedua ialah mengkritik puisi mereka

dari segi keberkesanan penyampaian dakwah berasaskan konsep hablun minallah, iaitu sejauh mana mesej dan nilai keagamaan sampai kepada pembaca secara jelas dan berkesan.

RINGKASAN SOROTAN LITERATUR

Yahya M.S dari Brunei dan Suhaimi Haji Muhammad dari Malaysia merupakan penyajak prolifik yang karya mereka banyak dikaji secara berasingan. Penyelidikan terhadap Yahya ditumpukan kepada puisi yang bertemakan nasionalisme, Islam, simbolisme, lambang, irama, dan gaya bahasa, termasuk penggabungan unsur sejarah, budaya dan sosial dalam sajaknya (Hashim Haji Abd. Hamid, 1994, 2004; Morsidi Haji Muhammad, 2006, 2010; Arif Karkhi Abukhudairi, 2007; Markandi Haji Kuris, 2009, 2012; Kamal Haji Lamat, 2013; Muhammad Hamdi Mohd. Yussof, 2010). Kajian ini menekankan mesej dakwah, nilai keagamaan, serta penggunaan lambang dan citra bagi memahami maksud tersirat puisi Yahya. Bagi Suhaimi Haji Muhammad, kajian ditumpukan kepada puisi eksperimental, aliran realisme, kabur, surealisme, estetika dan pesan moral serta nasihat Islam dalam puisinya (A. Rahman Hanafiah, 1978; Kamariah Kamarudin, 2000; Samsina Abd. Rahman, 2013; Rahman Shaari, 1975). Walaupun kajian tersebut luas, tiada kajian yang membandingkan secara langsung karya Yahya dan Suhaimi. Oleh itu, kajian ini memberikan peluang untuk menggandingkan kedua-dua penyair daripada perspektif dakwah, nilai keagamaan dan tema Islam, sekali gus menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam terhadap kesusasteraan Melayu Brunei, Malaysia dan Nusantara serta perkembangan puisi moden di rantau ini.

METODOLOGI ANALISIS

Analisis ini merupakan sebuah analisis kepustakaan. Menurut A. Halim Ali (2019), kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain. Bentuk kaedah kajian ini dipilih kerana signifikan dengan data dan kaedah analisis yang digunakan. Analisis kajian ini menggabungkan pendekatan perbandingan dan dakwah dalam meneliti puisi-puisi Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad. Menurut Hashim Awang (1994:55), kesusasteraan bandingan ini dapat diiktiraf sebagai satu penelitian sastera antara negara dan juga meneliti hubungan sastera dengan bidang disiplin-disiplin ilmu yang lain. Kesusasteraan bandingan memperlihatkan bahawa ruang lingkup bandingan bukan sahaja merangkumi satu bidang atau disiplin ilmu sahaja, malah lebih daripada satu ilmu yang kadangkala turut melangkaui kesusasteraan kebangsaan.

Dengan kata lain, kesusasteraan bandingan juga adalah untuk membandingkan antara sastra sesebuah negara dengan sastra negara lain. Fungsi kesusasteraan bandingan pula adalah untuk memperluas atau memperkaya perspektif. Dalam kajian ini, perbandingan difokuskan kepada puisi-puisi bercorak dakwah, khususnya bagaimana kedua-dua penyair menggunakan karya mereka untuk menyampaikan mesej keagamaan.

Pendekatan dakwah dalam puisi Islam merujuk penyampaian nasihat, pengajaran dan seruan kepada manusia agar hidup menurut prinsip Islam, terutamanya dalam mengukuhkan hablun minallah, iaitu hubungan manusia dengan Allah. Islam menekankan bahawa tujuan utama kehidupan manusia adalah untuk beribadah kepada Allah (*Surah al-Zariyat*:56) dan hidup dengan bertakwa (*Surah Ali 'Imran*:102). Konsep ini menegaskan bahawa setiap amalan manusia harus dilakukan dengan niat beribadah kepada Allah, yang membawa manfaat spiritual dan moral kepada diri sendiri dan masyarakat (*Surah an-Nur*:52).

Sastra Islam, khususnya puisi, dianggap sebagai medium pengabdian kepada Allah. Al-Akkad (1964) dan Ahmad Iskandar (1967) menyatakan bahawa tujuan utama sastra Islam adalah untuk menguatkan akidah dan meninggikan akhlak, iaitu membimbing pembaca ke arah iman, kesedaran dan moral yang tinggi. Dalam konteks ini, Yahya M.S menggunakan puisi sebagai wadah dakwah, dengan tema-tema yang menekankan ketakwaan, ibadah, keinsafan, kematian, alam akhirat dan kebesaran Allah, selari dengan konsep hablun minallah.

Agama Islam menghendaki penganutnya berdakwah. Dakwah bermaksud menyeru atau merangsang orang untuk mendapatkan sesuatu. Nabi Muhammad SAW muncul di tengah-tengah suku-suku Arab di Mekah dan Madinah dengan berani berdakwah menyeru bukan sahaja kepada raja-raja Arab tetapi juga maharaja-maharaja Parsi, Rom dan Ethiopia untuk menganut agama Islam. Orang Arab Quraisy telah menyerang peribadi Nabi Muhammad SAW bertalu-talu melalui gubahan puisi mereka. Bagi menangkis serangan itu, Nabi Muhammad SAW menyeru penyair-penyair Islam supaya tampil ke hadapan menghasilkan karya-karya untuk mempertahankan kesucian agama Islam (Ismail Hamid, 1987). Nabi Muhammad SAW telah menggunakan puisi sebagai alat untuk berdakwah agama dan menegaskan kesucian Islam. Oleh itu, sudah sewajarnya kesusasteraan Islam mengandungi tema dan amanat dakwah agamanya. Dakwah bertujuan untuk menegaskan agama Allah dan untuk mempersatukan umat. Dakwah bertujuan mengajak manusia agar menyembah Allah dan tidak menyekutukan-Nya.

Karya sastra berperanan dalam dakwah penyebaran agama Islam. Menurut Ismail Hamid (1987), karya sastra bercorak puisi turut memainkan peranan dalam

mengembangkan agama Islam. Oleh itu, tidak hairanlah sastera menjadi wadah atau wacana bagi menyampaikan nilai-nilai Islam dalam usaha berdakwah atau menyebarkan syariat Islam. Dakwah seperti yang disebut sebelum ini merupakan usaha menyeru umat manusia ke jalan yang benar dalam mentauhidkan Allah. Apabila dakwah terhadap ketauhidan Allah dilaksanakan, secara tidak langsung menyebabkan manusia menunaikan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangannya serta kembali ke jalan yang benar, iaitu ke jalan Allah. Oleh yang demikian, sudah tentu puisi-puisi sebagai bahan sastera Islam yang dijadikan wadah dakwah tidak ketinggalan membawakan tema-tema atau persoalan-persoalan yang menjurus kepada ilmu tauhid. Karya sastera juga dikatakan boleh memaparkan kesucian agama Islam dan menjadi alat penyebaran ajaran agama Islam.

Para sarjana sependapat bahawa sastera Islam ialah karya berpaksikan tauhid, berlandaskan al-Quran dan hadis, serta berperanan meningkatkan iman dan akhlak. Mohd. Kamal Hassan (1996) menyatakan bahawa seni bernilai dapat membawa ketakwaan dan kesalihan, manakala Ismail Ibrahim (1977) menegaskan sastera Islam lahir daripada penulis berjiwa tauhid yang menulis demi jalan Allah. Abdul Aziz Juned (1996) berpendapat karya hanya dianggap sastera Islam jika disusun mengikut pendekatan al-Quran, dan Ismail Hamid (1996) menekankan prinsip kebenaran Islam. Shahnnon Ahmad (dalam Mohd. Zain Haji Serudin, 2013) melihatnya sebagai medium dakwah dan pembentuk akhlak, sementara Yahya M.S (1998; 1985:19) menekankan peningkatan keimanan, amal salih, dan hubungan manusia dengan Allah.

Puisi sebagai karya sastera dapat mengajak manusia beriman dan mengingat Allah, selaras gagasan Shahnnon Ahmad (1977) tentang “sastera kerana Allah”. Samsina Abd. Rahman (2013) menegaskan bahawa manusia wajib mematuhi perintah Allah, menjauhi larangan, serta berdakwah, dengan puisi Melayu moden menjadi salah satu medium. Kajian ini menitikberatkan perbandingan kedua-dua penyair untuk mendedahkan persamaan dan perbezaan pendekatan dakwah melalui puisi, menilai teknik, gaya penulisan dan keberkesanan penyampaian mesej keagamaan, khususnya hablun minallah, bagi mendidik dan mengingatkan khalayak tentang hubungan manusia dengan Allah.

ANALISIS DAN DAPATAN

Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad menggunakan puisi sebagai medium dakwah untuk menyeru khalayak kepada kebaikan, mendekatkan diri kepada Allah dan meningkatkan keimanan melalui konsep hablun minallah. Penyelidikan dakwah ini dibahagikan kepada dua fokus utama: tauhid, iaitu puisi yang memuji dan

mengesakan Allah serta sifat-sifat-Nya; dan ibadah, iaitu puisi yang membicarakan amalan yang disyariatkan. Tauhid mengajar manusia mengenal dan mengakui keesaan serta kebesaran Allah, menyedarkan bahawa segala ciptaan-Nya bersifat sementara dan hanya Allah kekal. Kesedaran ini menuntut manusia sebagai hamba untuk menunaikan ibadah, menguatkan akidah dan membuktikan keimanan melalui amal perbuatan, lisan dan niat sesuai dengan perintah Allah.

Suhaimi Haji Muhammad merupakan seorang penyair prolific yang sering kali juga diberi gelaran penyair sufi atau penyair tasawuf. Walaupun pada awalnya Suhaimi Haji Muhammad begitu kontroversi kerana menghasilkan puisi-puisi beraliran surealisme dan penulisan puisinya sukar difahami oleh khalayak, namun apabila Suhaimi Haji Muhammad menghasilkan puisi-puisi mistikisme Islam pula ramai yang mengangkap puisinya sebagai puisi Islam pada tahap yang tinggi, malah menyatakan beliau menghasilkan puisi sufi dan puisi tasawuf. Menurut Mohamad Shahidan (2010):

“Sementara sajak-sajak mistikisme Suhaimi Haji Muhammad seperti yang terpancar dalam sembilan buah kumpulan sajaknya, *Lilin Seinci* (1980), *Di Malam Gelita Ini* (1981), *Wujud* (1997), *Simfoni Perjalanan* (1999), *At-Tariq* (2000), *An-Nur* (2003), *As-Salam* (2006), *Asyik* (2006) dan *Taman Taqwa* (2009), menampakkan Suhaimi Haji Muhammad benar-benar masuk ke dalam inti persoalan kerohanian, kesufian dan ketuhanan yang kadang-kadang menakutkan penerbit untuk menerbitkannya. Melalui “Perbincangan Kewujudan” yang terdapat dalam *Wujud* umpamanya, Suhaimi Haji Muhammad dengan berani dan nekad membicarakan ketuhanan.” ...

(Mohamad Shahidan, 2010:66)

Begitu juga pendapat ini disokong oleh Samsina Hj. Abd. Rahman (2014) dengan menyatakan:

“Mulai tahun 1980 – Suhaimi Haji Muhammad yang amat prolific dan produktif telah menyerlahkan pemikirannya yang bersifat kerohanian (tasawuf) dan mistik dalam puisi yang dihasilkannya.”

(Samsina Hj. Abd. Rahman, 2014:05)

Suhaimi Haji Muhammad melalui puisi-puisi yang terdapat dalam kumpulan puisi *Taman Takwa* memperlihatkan tentang keesaan dan kebesaran Allah SWT, malah mengungkapkan segala kesedaran dan keinsafan diri dengan penuh keimanan menuju keredaan dan ketakwaan kepada Allah (Samsina Hj. Abd. Rahman, 2014).

Kesedaran dan ketakwaan Suhaimi Haji Muhammad itu boleh diperhatikan dalam puisi-puisi beliau, sekali gus berdakwah atau mengajak khalayak mengagungkan kebesaran Allah melalui sifat-sifat-Nya. Perhatikan puisi “Alam Semesta Ini” (2009:4-5), Suhaimi Haji Muhammad mengakui kebesaran dan kekuasaan Allah:

Inilah desa dan kota penuh dengan cinta kudus-Mu
 Petanda kewujudan Allahuakbar-Mu
 Aku adalah debu yang bersimpuh di dalam
 Tangan-Mu, mencari permata reda-Mu
 Sekali aku mengenal Allahuakbar-Mu aku mengenal
 Bahawa Engkau adalah Allahu Ahad
 Aku mengenal
 Bahawa Engkau adalah Allahus Samad.

(Suhaimi Haji Muhammad, 2009:4-5)

Suhaimi Haji Muhammad dalam puisi ini merendahkan dirinya sebagai hamba kepada Allah. Penyair mengibaratkan dirinya sebagai debu sahaja, iaitu sesuatu yang amat kecil, halus dan lemah. Begitulah kita manusia di muka bumi ini. Pernyataan “aku adalah debu” bukan sahaja mewakili diri Suhaimi Haji Muhammad sahaja, tetapi penyair mengajak khalayak pembaca agar menyedari bahawa kita manusia ini semuanya adalah hamba Allah yang begitu kerdil dan lemah jika dibandingkan dengan kekuasaan Allah. Huraian ini bertepatan dengan pendapat Samsina Hj. Abd. Rahman tentang Suhaimi Haji Muhammad:

“Penyair dalam rangkap ini jelas menghayati ayat al-Quran daripada *Surah al-Ikhlâs*. Seterusnya penyair dengan rasa penuh keimanannya (akidah tauhid), beliau berserah diri dengan mengerjakan solat (bersujud) demi mencari dan untuk memperoleh keredaan Allah SWT.”

(Samsina Hj. Abd. Rahman, 2014:06)

Perhatikan pula beberapa puisi Suhaimi Haji Muhammad dalam kumpulan puisi-puisi *At-Tariq* (2000) seperti puisi “Rahsia: Tentang Orang Tua”, “Rahsia: Tentang Cinta”, “Definisi: Sifat Taqwa”, “Analisis mengenai Tauhid”, “Rahsia: Tentang Tauhid”, “Rahsia Roh Islam”, “Rahsia Jiwa Muslim” dan seumpamanya, banyak sekali mengemukakan persoalan tentang kerohanian dan ketuhanan yang sangat berat diketengahkan oleh penyair. Contohnya perhatikan beberapa puisi Suhaimi Haji Muhammad yang berikut:

[...]

Taqwa bukanlah takut hingga fikiranku
menjadi mati
dan lebur dari kebenaran
Taqwa ialah beriman
dan seluruh jiwa raga terisi
dengan ribuan cinta al-Khalik
Taqwa ialah pasrah kepada Tuhan
dengan khusyuk dan asyik
Taqwa ialah meninggalkan kepentingan keakuan
aku-manusia,
melainkan semuanya aku-Tuhan

[...]

Apakah api taqwa dalam diri membakar hangus
semua induk kemungkaran yang berdiri di maya?
Tidakkah kaulihat nyala kilauan apinya
membakar?

(Suhaimi Haji Muhammad, 2000:76)

Bahawa Tuhan itu kamil
Tidak ada makhluk yang bersama-Nya
Tapi Dia tetap bersama semuanya
Bahawa Tuhan berdiri dengan zat-Nya sendiri
Semua makhluk lebur jika memasuki zat-Nya
Jadi bagaimana kalau ada yang berusaha meleburkan diri
cuba memasuki zat-Nya?

(Suhaimi Haji Muhammad, 2000:138)

Puisi-puisi mutakhir Suhaimi Haji Muhammad menunjukkan keterbukaan yang lebih jelas kepada pembaca, terutama dalam mengemukakan persoalan kerohanian dan ketuhanan beracuan mistikisme. Walaupun lebih mudah diakses berbanding puisi surealisme beliau, penggunaan diksi dan bait-baitnya masih menimbulkan persoalan mendalam yang berat untuk difikirkan. Puisi beliau mungkin kelihatan ringan pada pengucapan luaran tetapi tetap menggugah jiwa dan mencetuskan pertanyaan besar. Seperti dinyatakan oleh Nahmar Jamil (1971), Suhaimi menggunakan kata-kata biasa tetapi sarat makna berlapis-lapis; bahasanya diibaratkan seperti laut dalam, bukan sekadar untuk dibaca tetapi untuk difikirkan.

Penyebaran ilmu tauhid selari dengan tujuan dakwah, dan hal ini turut jelas dalam puisi-puisi Yahya M.S., yang banyak menekankan keesaan dan kebesaran Allah. Tauhid menjadi asas kekuatan iman. Beriman bahawa Allah sahaja yang mencipta,

mengatur, memelihara dan menguasai seluruh alam, sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran (*Surah az-Zumar* 39:62). Walaupun ada manusia yang menolak, seperti golongan ateis, penolakan itu sebenarnya lahir daripada kesombongan kerana dalam hati mereka tetap mengakui adanya Pencipta. Baik Yahya M.S mahupun Suhaimi Haji Muhammad, kedua-duanya sering menonjolkan keyakinan terhadap kekuasaan Allah dalam karya masing-masing, termasuk dalam sajak Yahya M.S yang berjudul “Tauhid.”

Pertama cintanya jatuh pada hakikat yang pahit
 Ketika kerapuhan mengakhiri babak hidup yang garit
 Bahawa setiap malam bulan bernyala di angkasa
 Berdandan anak dialun tangis bimbang makin terasa.
 [...]
 Tapi kesedaran bertiup dan selalu berbisik
 Barangkali merdu tiada lagi mengusik-usik
 Begini malam yang satu
 Pernah dikatakan malam kudus
 Keruntuhan di mataku dikirim dari kamar yang hangus
 Aku masih menanti jalan paling panjang
 Ke mana kita
 Bisa mencari hakikat paling benar mencari-Nya.

(Yahya M.S, 2007:6-7)

Puisi tersebut menggambarkan kehidupan yang pasrah dan reda terhadap ketentuan Ilahi, termasuk takdir, qada dan qadar. Bait “Berdandan anak dialun tangis bimbang makin terasa” melukiskan ibadah yang khusyuk, penuh penyesalan dan permohonan ampun kepada Allah, menegaskan bahawa manusia hanyalah hamba yang lemah bawah kekuasaan-Nya. Simbol “malam” digunakan untuk menggambarkan perjalanan hidup manusia yang pasti menuju pengakhiran, serta perubahan ketentuan Allah dari kecil hingga tua. Hal ini juga melambangkan usia lanjut penyair yang ingin menghabiskan masa dengan ibadah. Bait “Aku masih menanti jalan paling panjang” menandakan keredaan penyair menunggu kematian sebagai jalan menuju kehidupan kekal di sisi Tuhan.

Namun, ada juga segelintir manusia yang masih lalai dalam kehidupan malahan ada juga yang mempergunakan agama. Perhatikan puisi “Satu Perbendaharaan” (2007) seperti berikut yang menampilkan persoalan keyakinan terhadap Allah:

Di bawah Arasy Allah
 Yang lahir ialah hakikat
 Yang ghaib ialah makrifat

Lalu bertimbunlah para sufi palsu
Tauhid yang kabur
Tahmid yang tohor
Sekadar melepas takbur.

Jenguklah di cermin hati
Bingkai yang retak
Wajah pun larak
Siapakah empunya nama
Sedang yang hak tiada dikenal
Lalu berderapan para juhala
Akulah, akulah
Lidah yang pecah
Tangan yang serakah
Sekadar menggores nama di atas kertas.

(Yahya M.S, 2007:62-63)

Pengakuan Yahya M.S bukan sahaja mengetengahkan tentang keyakinan terhadap Allah, malah Yahya M.S mengkritik sesetengah manusia yang hidup dalam kepura-puraan dengan keyakinan yang palsu. Penyair mengeji dan menyesali sesetengah manusia hidup hipokrit atas nama agama sedangkan menyedari akan kekuasaan Allah yang Maha Mengetahui. Perhatikan pula rangkap seterusnya puisi ini:

Seperti janji Tuhan
Relakah engkau bertanam anggur
Yang nanti lesap dipeluk ribut dan kilat.

Sedang anak terlonta tanpa daya
Dalam lewat usiamu menjangkau hujungnya
Apalah yang diwariskan
Sedang yang tinggal ialah cerucuk-cerucuk
Yang nanti pupus dibalut kapang.

Inilah perbendaharaan
Satu hakikat satu makrifat
Di tali Allah berdamping cinta
Tauhid dan tahmid
Syahadat dan takbir
Menjadi darah di salur nadi.

(Yahya M.S, 2007:62-63)

Dalam puisinya, Yahya M.S menekankan kekerdilan manusia yang tiada daya selain mengharapkan restu dan takdir Allah. Puisi-puisi beliau menyeru pembaca untuk menyedari bahawa segala usaha manusia hanya berhasil dengan izin Allah, manakala kuasa-Nya mampu menggagalkan segala perancangan. Melalui bait-bait puisi, Yahya M.S berdakwah agar manusia sentiasa berdoa, bertawakal, tunduk dan menginsafi setiap perbuatan, menghindari kesombongan atau kepalsuan agama. Karya ini menekankan nilai tauhid, keikhlasan hati dan kesedaran bahawa hanya Allah mengetahui niat sebenar manusia, sekali gus menjadikan puisi sebagai medium dakwah yang mengingatkan pembaca tentang hakikat hubungan manusia dengan Allah.

Begitu juga dalam sajak “Israk dan Mikraj” (2007), kepercayaan terhadap kekuasaan Allah yang mengangkat Nabi Muhammd SAW dalam peristiwa Israk Mikraj. Teliti sajak tersebut:

Alangkah nikmatnya para pencintanya
 Mengembang sayap bujuk Ilahi
 Mari kita ziarah kekasih para Malaikat
 Meniti bara segala kemungkinan
 Meredah duri segala kealpaan
 Kerana kasih dan pesanan Nabi
 Tuhan telah semayam di atas kerajaan-Nya
 Menantikan insan menghamparkan iman
 Bakal menguliti hidup dibuai badai
 Demikian, tegaklah diri diharung bahang duniawi.

Berangkatlah kafilah cintaku
 Membawa kandil diannya takwa
 Rumbainya ihsan dan manikamnya huda
 Bakal menyinari ruang yang sering diperdaya.

(Yahya M.S, 2007:64/65)

Keyakinan terhadap kekuasaan Allah yang Maha Mencipta merupakan tahap keyakinan yang tinggi kerana Allah yang menjadikan alam, bumi dan segala isi bumi dan alam semesta ini. Allah juga yang mampu memusnahkan segalanya dengan sekelip mata. Persoalan tentang kekuasaan Allah dalam mewujudkan sesuatu turut diketengahkan dalam sajak-sajak Yahya M.S. Berikut sajak “Umbra Bulan”:

Bulan telah terpijak talian umbra
 Lalu hati bagaikan dakwat yang tumpah

Menggangsur permukaan wajah-wajah termangu
Seperti tiada lagi jalan akan berengsot
Mengubati luka pedih tikaman tangan sendiri.

Tuhan berfirman dari takhta-Nya:
“Kun”

Maka jadilah mana-mana yang jadi
Seperti burung yang lepas dari jejariimu
Tiada kuasa lagi menutup sangkarnya
Hanya tinggallah hasrat atau dendam
Padahal malamnya sudah diperhitung
Dan ada lagi pemberita sepanjang pijar hari
Dan mata yang terbelalak sedar
Sekarang tapi seperti kanak-kanak mamai
Atau terlepas sekadar terais tiada tuju.

Seperti umra bulan
Jangan dititi duka sepanjang kulit laut
Kerana ia tak pernah bertepi
Dan titian duka tak pernah sudahnya
Atau melukis angan di atas awan
Kerana ia akan luput disirami hujan.
[...]

(Yahya M.S, 2007:133)

Sifat-sifat kebesaran Allah yang Maha Pencipta ini terus ditampilkan dalam puisi-puisi beliau. Malah, dalam puisi-puisi beliau sebelumnya, contohnya dalam puisi berjudul “Istighfar Rajab” yang mengkritik manusia yang lalai dengan dunia dan tidak mengingati akhirat, sekali gus mengingatkan bahawa Allah S.W.T sangat berkuasa dalam memberikan nikmat atau mengambil nikmat itu semula. Perhatikan puisi tersebut:

[...]
Tapi, berjanjilah engkau dengan “Kun” itu?
Sedangkan esokmu di malam ini
Dudukmu pun jika di mana
Nasib pun, jika di dalam tangan
Entah di bawah tanah
Atau pun dirampas orang
Itulah jawapnya “Fa-Yakun”

Dalam sidang nuranimu
Lebih ingatilah kelahiranmu
Dari kebesaranmu
Hanya Allah Yang Maha Sempurna.

(Yahya M.S, 2003:37)

Sepertimana sajak di atas menyatakan tentang kekuasaan Allah menghidupkan makhluk atau mewujudkan sesuatu, begitu juga kekuasaan Allah mematikan makhluk dan melenyapkan sesuatu yang diciptakannya. Keyakinan yang tinggi terhadap qada dan qadar yang ditentukan Tuhan dapat diperhatikan dalam sajak “Detik Terakhir” berikut yang membawakan persoalan reda dengan kematian yang menjelma. Sajak ini mengisahkan detik-detik terakhir seseorang yang akan berhadapan dengan ajalnya. Namun, gambaran yang diperlihatkan dalam sajak ini lebih melihat tentang seorang hamba Allah yang sudah bersedia dengan kematian yang akan ditempuhinya. Perhatikan sajak berikut:

Sewaktu aku datang itu
Tiadalah lagi engkau kenalkan aku
Engkau sedang menyediakan persiapan terakhir
Akan berpindah ke rumah barumu
Sudah sampai musim pulang
Berangkatlah
Pintu-pintu sedang senyum-senyum melambaimu
Engkau akan tinggal di sana, selamanya
Sampai Israfil meniup serunainya
Lalu tidurlah, tak perlu ingatkan apa-apa
Nanti esok kami pun akan menziarahimu
Kita bakal tinggal bersama seperti di sini jua.

(Yahya M.S, 2007:124)

Yahya M.S mengajak pembaca merenung hakikat kematian yang pasti berlaku kepada setiap makhluk, walaupun cara menghadapinya berbeza-beza. Beliau menimbulkan persoalan tentang kesiapsiagaan manusia menghadapi kematian, sekali gus mengingatkan bahawa kehidupan dunia hanyalah sementara dan milik Allah sepenuhnya. Melalui persoalan kematian, penyair menanamkan rasa insaf agar manusia sedar akan tanggungjawabnya terhadap agama. Yahya M.S turut menyatakan kekesalannya terhadap golongan yang terlalu mengejar kemewahan dunia sehingga lalai mengingati akhirat dan mengabaikan amanah agama. Antara

sajak-sajak yang membawakan persoalan kematian termasuklah “Detik Terakhir” (2007), “Jenazah yang Sedang Lalu” (2007), “Munajat di Hujung Fajar” (2007), “Kematian Itu” (2007), “Pohon-pohon yang Mati” (2007), “Perjalanan Kembali” (2007), “Tiga Orang Pengembara” (2007) dan “Anakku yang Hilang” (2007).

Di jenang pintu berdiri anakku
mula melangkah ke pinara dunia
bakal menjadi pendatang asing
mengharungi gelombang lautan tak bernama
dengan persoalan tak bergambar:
adakah ia akan seperti anak piatu
dan menadah tangan meminta bukai
biarpun, tapi, dikatakan waris yang baru.

(Yahya M.S, 2007:142)

Yahya M.S menekankan realiti kematian sebagai titik akhir kehidupan manusia, yang tidak dapat dielakkan kerana itu ialah ketentuan Allah. Dalam puisinya, kematian dilambangkan melalui fenomena alam seperti musim gugur, iaitu daun-daun jatuh dan bumi mendingin, melambangkan kefanaan semua makhluk. Pilihan simbol ini menggambarkan bahawa setiap yang hidup pasti berakhir, namun bagi Yahya M.S, kematian bukan sekadar pengakhiran dunia, tetapi permulaan kehidupan di akhirat. Oleh itu, amal ibadat dan perbuatan manusia di dunia menjadi penentu nasib mereka di alam akhirat, menjadikan puisi sebagai medium dakwah untuk mengingatkan manusia tentang hakikat kehidupan dan pengakhiran yang pasti. Persoalan kematian ini boleh didapati dalam sajak “Kematian Itu” (2007):

Kematian itu
ialah seperti musim gugur
daun-daun berluruhan
dan berterbangan jatuh ke tanah
lalu menjadi debu dirakam bumi.
[...]
Kematian itu
ialah seperti senja akhir tahun
sinarnya di labuh tirai malam
dan akhirnya hanya kegelapan
lalu luputlah bentuk di bibir mata.

(Yahya M.S, 2007:153)

Begitu juga Suhaimi Haji Muhammad, puisi-puisinya juga ada mengetengahkan beberapa persoalan tentang kematian dan kekuasaan Allah. Perhatikan puisinya berjudul “Analisis mengenai Tauhid” dalam *At-Tariq* (2000):

Muslim berpegang pada Tauhid dan iman
Menolak kemenangan sementara
Baginya segala
Bukan berakhir pada ajal
Ajal baginya ialah
Pintu bagi suatu kehidupan bahagia
Sebelum mencapai kemenangan abadi
Justeru tidak ia takut pada ajal
Kerana ajal itu pintu yang dicarinya
Itulah yang diidam-idamkannya.

(Suhaimi Haji Muhammad, 2000:83)

Perhatikan pula puisi Suhaimi Haji Muhammad yang berjudul “Doa: Di Hadapan Makam Ibrahim”:

Demi mati
Yang upaya Kauhidupkan kembali
Kami hidup melalui dunia tanpa dapat mengelak
Kau Maha Kudrat di atas segala yang bernama alam
Kau wujud tunggal dan sendiri
Segala yang lain wujud berbilang
Bernama alam
Dan alam amat lemah
Dan bergantung pada-Mu
Kami maha kekurangan
Dan selalu bimbang.

(Suhaimi Haji Muhammad, 2000:07)

Di samping menyelitikan persoalan kematian, puisi Suhaimi Haji Muhammad di atas ini juga menampilkan kekuasaan dan kebesaran sifat-sifat Allah, malah kekerdilan dan kelemahan umat manusia. Persoalan tentang kematian juga boleh diperhatikan dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad yang beraliran surealisme, tetapi sudah tentu nuansanya agak berlainan kerana sukar ditafsirkan. Perhatikan puisi “Insan Kamil” dalam *Menganyam Bulan* (1983):

Dia telah membuat perjanjian dengan kata
Tiada yang lain kecuali kata
Hidup dan mati adalah kata
Dia tidak berduka atas kematian titik upacara
Tidak berduka atas hilangnya sari dari bunga.

Kata yang merangkak di lorong-lorong bumi
Kata yang tergantung pada luka-luka
Harus bebas, harus bermesra
Tahu: mendirikan negeri kata lebih sukar
Dari mendirikan negeri kota

(Suhaimi Haji Muhammad, 1983:60)

Kepercayaan kepada ketentuan dan kebesaran Allah merupakan inti utama dalam perbincangan tauhid. Namun, keyakinan ini tidak bermakna tanpa dibuktikan melalui amal ibadah. Umat Islam mengenal 99 Asmaul Husna serta sifat-sifat wajib Allah yang menjadi dasar keagungan-Nya. Sebagai penyair berteraskan keagamaan, Yahya M.S turut menonjolkan sifat-sifat Allah dalam puisinya, sama ada secara langsung atau tidak. Melalui penggambaran sifat Allah yang Maha Berkuasa, Maha Penyayang dan Maha Pengasih, puisi berperanan memperlihatkan keesaan serta keagungan Allah kepada pembaca, sekali gus mengingatkan bahawa Allah sentiasa membuka ruang keampunan bagi hamba yang benar-benar bertaubat. Sajak berikut berjudul “Tauhid” kaya dengan diksi kebesaran Tuhan:

Dalam jelingan dan tangan sudah tidak putih lagi
Ke mana pun mengukur hayat
Cuma setahun mentari pagi
Pabila saja akan kiamat dan berhitung pahala
Tahu-tahu malaikat menginjak tubuh di segenap neraka.

Aku menanti jalanmu yang paling panjang di mana
Aku mencari hakikat yang paling benar betapa
Bila disogokkan ketawa
Sungguh liar kaumabuk sendawa
Kenal tiada teguran menghiris entah dewa memberi cita
Tapi kesedaran bertiup dan selalu berbisik
[...]

(Yahya M.S, 2007:06/07)

Persoalan tentang ketuhanan dan keimanan merupakan antara persoalan besar yang dianggap oleh penyair sebagai perlu sentiasa ditimbulkan dan diperkatakan, terutama dalam era globalisasi atau era tanpa sempadan dengan arus perkembangan pesat teknologi maklumat zaman kini. Pengaruh asing begitu mudah menghasut dan mempengaruhi umat manusia. Bisikan iblis begitu halus cuba menipiskan keimanan manusia. Oleh sebab itu, persoalan tentang ketuhanan dan keimanan begitu penting diulang-ulang sebagai peringatan kepada khalayak. Perhatikan dalam sajak berjudul “Sesuku Abad Mencari Diri” seperti berikut:

[...]
 akhirnya, kembali juga
 ke pangkuan zat abadi
 mengaku dalam makrifat
 dalam roh dalam hakikat
 tiada ke mana langkah bergerak

maka di akhir persimpangan
 di sinilah aku dalam diriku
 di hujung jari mengukir tauhid
 di atas dahi mereguk sinar.

(Yahya M.S, 2007:95)

Sajak tersebut membentangkan tentang persoalan keimanan. Pertama, keimanan bukan merupakan sesuatu yang mudah untuk dikuasai atau dipegang oleh seseorang; keimanan amat memerlukan kepada pembetulan perjalanan hati dan pendirian diri sendiri. Kedua, keimanan tidak datang atau dapat tertanam secara senang dan rambang; keimanan memerlukan usaha dan kesungguhan untuk mendapatkannya. Ketiga, keimanan merupakan pegangan asas dan penyuluh luhur yang dapat memandu kita ke landasan hakiki dalam mengerjakan tiap perbuatan dan cetusan kata hati atau niat; keimanan dapat memelihara diri seseorang, khususnya seorang Muslim daripada tersesat jalan dan terkeluar akidah. Keempat, keimanan dapat menjauhkan diri setiap individu Muslim daripada memiliki sifat-sifat negatif yang tidak diredhai Allah seperti munafik, serakah, individualistik dan hasad dengki. Persoalan keimanan ini juga berkaitan dengan persoalan ketakwaan. Sepertimana yang terkandung dalam al-Quran, *Surah al-Hujurat* yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di hadapan Allah adalah yang paling bertakwa.”

(*Surah al-Hujurat*:13)

Suhaimi Haji Muhammad juga banyak membicarakan persoalan takwa ini dalam puisi-puisi beliau, terutama dalam kumpulan puisi *Taman Takwa* (2009). Beberapa puisi berjudul “Pengertian tentang Takwa” dan “Di Wadi Takwa” seperti berikut:

Ya Allah, apa yang ingin kucapai
dalam hidupku ialah takwa-takwa
Ialah jambatan cintaku menuju kepada-Mu
Takwa adalah kepatuhan ibadahku
Menjalankan bisikan perintah-Mu
Takwa ialah perisai senjataku menyingkirkan
segala bisikan dan godaan syaitan serta
dajal, inilah dinding perlindunganku.
Takwa ialah memelihara dan menjalankan segala
rukun Islam dengan cermat dan teliti serta penuh
sungguh dan ikhlas bahawa takwa ialah mempercayai
segala rukun iman dengan penuh *haqqul yakin*
[...]

(Suhaimi Haji Muhammad, 2009:86-87)

Perhatikan puisi berkenaan, Suhaimi Haji Muhammad mengakui tujuan hidupnya untuk bertakwa kepada Allah. Bertakwa dengan maksud melaksanakan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Bagi penyair, kekuatan memelihara takwa kepada Allah itu penting kerana takwa dapat menghindarkan diri daripada terpengaruh dengan bisikan iblis. Bagi penyair, takwa ialah pendinding yang akan melindunginya daripada hasutan syaitan ini. Hal ini juga turut dibahaskan oleh Samsina Hj. Abd. Rahman (2014) dalam membicarakan puisi “takwa” Suhaimi Haji Muhammad. Beliau menyatakan:

“Maqam takwa ialah maqam terpenting yang ingin dicapai dalam perjalanan diri rohani seseorang ahli sufi atau *salik*. Takwa bererti ketaatan kepada segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya kerana takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT (*Ensiklopedia Islam*, 2004:48-49). Melalui Maqam ini, seseorang akan mampu mencapai maqam cinta Ilahi dan makrifatullah. Penyair dengan penuh terperinci memperjelaskan makna atau pengertian takwa yang mencakupi soal akidah (keimanan), soal ibadah (syariat) dan soal akhlak (memiliki sifat-sifat mahmudah dan menjauhi segala sifat mazmumah). Ini bererti maqam takwa merangkumi ketiga-tiga sendi dalam agama Islam yang wajar diamalkan dalam diri seseorang.

...

Rumusannya, maqam takwa yang ada dalam diri seseorang akan mampu menjadikannya mengenali Allah, mencintai-Nya dan mentaati segala perintah Allah

serta menjauhi segala larangan-Nya dan seterusnya tidak terpedaya dengan segala godaan hawa nafsu dan hasutan syaitan.”

(Samsina Hj. Abd. Rahman, 2014)

Begitu juga dengan puisi-puisi Yahya M.S, persoalan tentang ketakwaan dan kepercayaan sememangnya terdapat dalam puisi-puisi Yahya M.S. Kehidupan sekeliling manusia dan segala kemaslahatan manusia menjadi ilham bagi Yahya M.S menghasilkan puisinya. Segala masalah manusia menjadi satu ujian dan dugaan yang diturunkan Allah untuk umatnya agar mereka kembali tunduk kepada Allah dan menyerahkan diri mereka sebenar-benarnya. Perhatikan puisi di bawah ini berjudul “Hari Ini dan Esok”:

Hari ini bukannya esok
seakan esok terlalu jauh bagimu, umat
janganlah kau mengimpi tiba pagi esok
akan membelaimu dengan kasih sayang
tiada kautahu apa yang akan kaudapat
yang akan kaumakan
dan di mana kau akan duduk
esok pun tiada kautahu hidupkan
masih, kau di pinara dunia.
[...]
Dan jangan terlalu alpa
dengan sejemput apa yang kaumiliki
kerana itu mencambah dengki dan khianat
ia akan berkolong dalam salur nadimu.
Lalu jadilah kau si rakus
atau si nifak
atau si ingkar
[...]

(Yahya M.S, 2004:05)

Puisi ini mengingatkan kita tentang kehidupan kita sebagai makhluk ini yang tidak kekal. Segala kesenangan yang kita peroleh merupakan dugaan untuk kita. Begitu juga segala kesusahan yang kita tempuhi ialah ujian untuk kita. Semua ini ditakdirkan oleh Allah agar kita sebagai manusia kerdil kembali tunduk menghadap Allah, sentiasa memohon restu dan bantuan daripada Allah. Semua harta benda di dunia ini hanyalah hiasan dunia yang akan melalaikan umat manusia. Jika kita lalai, kita akan menjauhinya hingga timbullah sifat-sifat tamak manusia. Oleh yang demikian, segala

nikmat yang diberikan Allah hendaklah disyukuri dengan sesungguhnya, percaya bahawa kesemua kesenangan dan kemudahan itu dikurniakan Allah. Allah adalah yang Maha Memberi dan berkuasa memberikan kepada kita yang serba kekurangan. Jangan pula kita bersikap bongkak seolah-olah kebendaan itu milik kita hinggakan kita tidak mahu berkongsi kepada orang-orang yang memerlukan.

Reda dengan ketentuan Allah juga merupakan akhlak tauhid yang memberikan sepenuh jiwa dan raga kita dengan ketentuan yang telah ditetapkan Allah kepada umatnya. Reda dengan segala takdir Allah. Begitu juga Yahya M.S. Seperti puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad, Yahya M.S juga memberikan penekanan terhadap ketakwaan. Perhatikan puisi di bawah ini, dalam kegelisahan dan penantian penyair tetap menyerahkan segala-galanya kepada ketentuan, kekuasaan dan kehendak Tuhan:

Apakah nyawamu itu
tiada dada yang pernah tahu
kerana ilmu yang maha sejempuit
hanyalah ada makrifat Tuhan
yang serba boleh menentukan
jika kata-Nya
atau sekadar waktu kiranya
ialah yang empunya hakikat.

(Yahya M.S, 2004:05)

Puisi seterusnya ini juga Yahya M.S hasilkan dengan rasa kerendahan dan reda dengan ketentuan Allah. Puisi seterusnya ini mencerminkan perasaan penyair tentang kehilangan anaknya yang telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, di sebalik kenangan dan ristaan, ada terselit harapan supaya roh anak beliau akan sentiasa dicucuri rahmat, seperti dalam puisi “Ibuku dan Anakku”:

Anakku sekarang
tiada lagi keseorangan, kerana
neneknya telah datang menemuinya
mereka boleh bicara
untuk selamanya
dalam rumah tanah yang merah
dan sebagai taman bunga.
...
Bila kami ziarah
bertahlil dan membaca Yasin

kami seperti jelas terbayang
mereka tersenyum dalam rela
kerana kami tiada pernah lupa
kasih yang diberi
kasih yang memberi
biarpun sudah putus dua perjalanan.

(Yahya M.S, 2007:144)

Beriman bahawa hanya Allah semata yang berhak disembah, tidak ada sekutu bagi-Nya. Seperti yang terkandung dalam *Surah Ali 'Imran*, tafsirnya: “*Tidak ada Tuhan yang berhak disembah selain Dia yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana*” (*Surah Ali 'Imran*:18). Mengesakan Allah dalam segala macam ibadah yang dilakukan manusia, seperti solat, doa, nazar, menyembelih, tawakal, taubat, harap, cinta, takut dan lain-lain lagi. Tujuan hidup manusia, ibadah itu hanya kepada Allah semata-mata. “*Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia, melainkan supaya mereka menyembah-Ku*” (*Surah al-Zariyat*:56). Ayat ini secara tidak langsung menegaskan bahawa ibadah yang paling agung adalah untuk mengesakan Allah dalam melaksanakan ibadah yang disyariatkan kepada umat manusia. Pembicaraan tentang ibadat ini adalah sebenarnya berkaitan dengan keimanan kepada Allah. Kepercayaan yang telus dan sesungguhnya kepada Allah ini boleh dicontohi melalui akhlak Nabi Muhammad S.A.W dalam melaksanakan segala ibadah. Perhatikan puisi Suhaimi Haji Muhammad berjudul “Sewaktu Mengenangnyanya” (2009:12). Penyair turut membicarakan tentang Nabi Muhammad SAW. Perhatikan puisi tersebut:

Mengenangnyanya adalah mengangkat
maqam takwaku
Dan di tanah ibadat ini, kumerasa hina
Apakah yang dapat dilakukan, apakah pula dapat
kutandingi bagaimana Muhammad
mendirikan solat harian, dengan surah-surah
yang panjang, dengan nurani yang khusyuknya
pula
Apakah dapat kulakukan, adakah dapat kutandingi
Bagaimana Muhammad kiam solat tahajud
Sampai bengkak-bengkak kaki, siapakah aku
di tanah ibadah ini?

(Suhaimi Haji Muhammad, 2009:12)

Puisi berkenaan mencerminkan ketaatan dan ketakwaan baginda dalam menjalankan ibadat demi Allah SWT. Suhaimi Haji Muhammad dalam puisinya ini menceritakan keperibadian Nabi Muhammad SAW yang mempunyai kesabaran dan kecekalan hati menunaikan perintah Allah, menunaikan solat tahajud setiap malam walaupun kaki bengkak-bengkak. Akhlak sebegini perlu mencerminkan kekerdilan manusia kepada pencipta-Nya sedangkan Nabi Muhammad merupakan Pesuruh dan Kekasih Allah, insan mulia yang dipilih menjadi rasul, namun tetap taat. Lalu, Suhaimi dalam puisinya ini mempersoalkan dirinya sendiri membandingkan jurang antara dirinya dengan Rasulullah. Perhatikan rangkap seterusnya ini:

Mengenangmu adalah mengangkat
maqam takwaku
Apakah dapatku mengatasi, apakah dapat aku
tandingi kemurnian rohani Muhammad
Dia berdoa untuk penduduk Thaif yang menghina
menghalau, mengejar dan membalingnya
dengan batu-batu sehingga tubuh dan kakinya
berlumuran darah. Dia berdoa untuk
mereka, “Wahai Tuhanku, ampunkanlah dosa
mereka.”

(Suhaimi Haji Muhammad, 2009:12)

Nabi Muhammad menyambut amanah Allah dengan kesabaran yang begitu tinggi. Amanah Allah bagi menyampaikan seruan agama kepada penduduk Mekah telah disambut dengan kekasaran namun Nabi Muhammad tetap sabar menghadapi segala dugaan dan cabaran itu. Nabi Muhammad SAW tetap bersangka baik dan mendoakan kebaikan kepada orang-orang yang memusuhinya. Ini merupakan contoh akhlak yang murni yang perlu dicontohi umat manusia untuk menguatkan keimanan dan terus melakukan ibadah. Sebagai umat manusia, kita perlu sentiasa bersangka baik dengan takdir dan ketentuan Allah. Setiap dugaan dan cabaran yang diturunkan, Allah mesti mempunyai sebab-sebab tertentu. Mungkin Allah sengaja menguji umat manusia agar kita kembali tunduk dan berdoa bersungguhnyanya meminta kepada Allah. Hanya Allah yang Maha Mengetahui perkara yang terbaik untuk umatnya. Oleh itu, sebagai umat yang menyerahkan dirinya, mengakui dirinya kerdil dan hamba kepada Allah, kita perlu bersangka baik dengan segala percaturan yang telah disusun Allah untuk kita.

Semua kesenangan atau kesusahan merupakan ujian dan dugaan Allah bagi menguji keimanan kita. Sifat sabar, taat, zuhud, tawaduk, bersangka baik dengan takdir Allah dan pelbagai sifat akhlak dalam menunaikan ibadat kepada Allah. Semua

sikap inilah yang akan menguatkan keimanan dan membentuk takwa seseorang agar terus menjadi seseorang yang konsisten dalam menunaikan amanah Allah dan meninggalkan segala larangan Allah. Samsina Hj. Abd. Rahman menyatakan:

“Akhirnya seseorang yang bertakwa akan mempersembahkan akhlak yang mulia dan budi pekerti terpuji dalam kehidupan sehariannya. Allah dalam kitab suci al-Quran turut menegaskan bahawa darjat seseorang dengan seseorang yang lain di sisi Allah adalah dinilai dari segi ketakwaannya kepada Allah. Antara surah dalam al-Quran yang menegaskan sifat takwa ialah *al-Hujurat*:13 yang bermaksud, ‘Sesungguhnya yang paling mulia di antara kami di hadapan Allah adalah yang paling bertakwa’. Selain itu Allah turut menjelaskan darjat takwa dalam *Surah al-Nisa*:1, *al-Mukmin*:45 dan *al-Naba*:31.”

(Samsina Hj. Abd. Rahman, 2014:08)

Ibadah merupakan amalan umat Islam kepada Allah, dan puisi Islam sering digunakan sebagai medium dakwah untuk mengingatkan manusia tentang kebesaran Allah serta tanggungjawab mereka melaksanakan suruhan-Nya. Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad menekankan keesaan Allah dan kepentingan rukun Islam seperti niat, solat, puasa, zakat dan haji dalam karya mereka. Setiap amalan bermula dengan niat yang tulus, diikuti perbuatan yang mencerminkan keimanan dan ketakwaan, kerana hanya Allah mengetahui keikhlasan hati seseorang. Begitu juga dalam sastera, niat penulis menentukan arah dan wawasan karya yang dihasilkan, menjadikan puisi bukan sekadar ekspresi seni tetapi juga sarana dakwah dan pengajaran spiritual. Niat menghasilkan karya menentukan wawasan karya itu (Yahya M.S, 2011). Niat penulis ini turut diketengahkan sebagai salah satu prinsip dalam Konsep Kesusasteraan Islam (Yahya M.S, 2011) dengan pengukuhan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya bagi tiap-tiap pekerjaan itu ditentukan dengan niat dan sesungguhnya tiap-tiap orang yang bekerja itu akan mendapat apa yang diniatkannya. Maka barang siapa yang tujuannya (bekerja) kerana Allah dan Rasul-Nya, maka dia akan sampai kepada (tujuannya) Allah dan Rasul-Nya. Dan barang siapa yang tujuannya kepada dunia yang didapatinya ataupun seorang perempuan untuk dinikahnya, maka tujuannya sampai kepada yang diniatkannya itu.”

(Yahya M.S, 2011)

Yahya M.S menekankan bahawa niat penulis Islam harus bertujuan untuk mendapatkan keredaan Allah, kerana penulis berperanan besar dalam membentuk pemikiran masyarakat. Niat yang suci mampu mempengaruhi tingkah laku dan

amalan seseorang, serta memberikan arah yang benar dalam kehidupan. Dalam sajak “Sebentar” (1988), Yahya M.S menunjukkan bahawa hati manusia diuji oleh pengaruh sekeliling, yang berupaya menggoncangkan pendirian, sekali gus menyeru pembaca untuk meneguhkan niat, memperkuat iman dan menjadikan puisi sebagai medium dakwah yang mendidik dan mengingatkan manusia kepada kebaikan. Perhatikan sajak berikut:

Sepasang hati yang pecah di tengah kota membahang

Bertemu lain jalan lain bas dan pulang
Sebentar membasahkan hati
Sekadarkan menjengukkan wajah yang pasi.

-Seremban Kuala Lumpur bisa berbisikan
Deru menipis lalu dan suara-suara ketinggalan.

Sepasang hati yang resah dibakar kota

Berangkat lain hala lain pemandunya
Bukan kerana paksaan tapi keraguan
Mendatang dalam tak disangka dan melenyapkan
Satu tawa dan timbunan harapan.

-Kilang jam empat mati dalam sunyi
Panas jalan seratus batu makin membekui.

(Yahya M.S, 1988:69)

Dalam puisinya, Yahya M.S menggunakan bait-bait seperti “*Sepasang hati yang pecah di tengah kota membahang*” dan “*Deru menipis lalu dan suara-suara ketinggalan*” untuk menggambarkan ujian keimanan pada zaman moden yang materialistik. Diksi seperti “*kota membahang*” dan “*deru*” melambangkan pengaruh hawa nafsu, budaya asing dan bisikan syaitan yang berupaya melemahkan iman. Puisi ini menekankan kepentingan niat dan keteguhan iman bagi menangkis hasutan duniawi, sekali gus menyeru pembaca agar tidak tunduk kepada godaan kebendaan dan keduniaan.

Pembicaraan tentang niat ini juga berkaitan dengan sikap manusia yang tidak jujur dan sering bermuka-muka atau hipokrit. Contohnya dalam sajak “*Katanya: Aku Beriman*” (2004) yang membawakan tema tentang manusia yang mengamalkan sifat kepuraan atau kemunafikan. Sudah tentu hal ini berkaitan dengan niat seseorang. Niat beramal bukan untuk Allah tetapi sekadar berpura-pura atau berlagak beriman di hadapan manusia. Ertinya mengharapkan pujian manusia. Niat manusia seperti

ini menunjukkan bahawa keimanannya hanya terucap pada perkataan, tetapi tidak terpahat dalam hati yang sebenarnya untuk Allah.

Dikatakan: Inilah dia ulama handalan
membuka lembar kitab sepenuh perasaan
tapi bila hari bertukar malam
ia lupakan suruhan agamanya
dilemparinya orang lain
dengan dusta dan serba keingkaran
katanya: ini semata kejahilan
tak terkawal batas larangan.

Mengaku ia serba kemuliaan
setia bakti kepada Tuhan
pun katanya juga
aku beriman kepada Tuhan dan Rasul-Nya

Dikatakan: Inilah dia pemimpin perjuangan
penghulu rakyat di muka jalan
mendapat gelaran sepanjang zaman
tapi dia rupanya rakuskan harta
menyeleweng serong dalam hukumnya
apakah ia pesan rasulnya
“betapa mungkin ia saksama kepada karibnya?”
mengaku ia pemuka tak berbanding.
Katanya juga lagi,
aku beriman kepada Tuhan dan Rasul-Nya.

(Yahya M.S, 2004:28-29)

Yahya M.S menekankan kepentingan solat sebagai tiang agama melalui puisinya, seperti dalam sajak “Dalam Masjid” (2007), yang menyorot ibadah solat lima waktu. Beliau menggunakan bahasa yang mudah dan tepat untuk menyampaikan pengajaran Islam, menekankan kesetiaan dan kekhusyukan dalam menunaikan ibadah. Puisi ini menggambarkan bahawa solat bukan sahaja kewajipan, tetapi juga sumber ketenangan, pengabdian kepada Allah, dan pengukuhan keimanan, menjadikan karya beliau sebagai medium dakwah yang mendidik pembaca tentang nilai penting ibadah dalam kehidupan seorang Muslim. Perhatikan sajak tersebut di bawah:

Gema meniti atas menara
cintaku bersenda sepuas usia

Aku di sini kita pun bercinta
lima musim sepanjang wujud

Kandil kemerlap turun wahyu
mesralah aku dalam bujukmu

Banjir ciuman bulan hijau
di bawah mimbar merakam damai

Dalam masjid atas mimbar
lima musim sepanjang dunia

Rindu mengusap wajah Kaabah
hari mahsyar menjangkau ghairah

(Yahya M.S, 2007:17)

Sajak “Elegi Seorang Keramat” (2007) turut membawakan persoalan tentang ibadah. Pelaksanaan ibadah merupakan perkara yang wajib dilakukan oleh umat Islam. Hal ini perlu dilakukan untuk mendapatkan kerahmatan Allah, malahan memerlukan penumpuan sepenuhnya, terutama ketika menunaikan solat. Persoalan ibadah ini jelas dalam sajak petikan di bawah ini:

Bila malam membentang tikar
berkata ia pada bulan yang mekar,
berikanlah aku kawan
sampai penuh kamarku setiap jam
kerana keseorangan selalu membunuh
yang akan dibangun selalu runtuh.

Sujud mukanya di Arasy Tuhan
berdoa dengan kesucian,
dunia ini berilah banyak pintu
memburu bau nanah yang mengharu
anak isteriku tak mahu tinggal
tak sanggup menghadap hidup yang tanggal.
[...]

(Yahya M.S, 2007:35-36)

Malam lazimnya masa untuk berehat daripada penat lelah bekerja. Peralihan daripada siang ke waktu malam ini lazimnya manusia sudah mula pulang ke rumah

selepas membanting tulang bekerja pada siang hari. Hal ini juga turut berlaku kepada makhluk yang lain seperti binatang, burung dan unggas. Makhluk ini akan pulang ke sarangnya untuk berehat setelah berhempas pulas pada waktu siang. Pertukaran malam dan siang merupakan ketentuan Allah yang membuktikan kebijaksanaan-Nya:

“Bahawa sesungguhnya dalam kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.”

(Surah Ali ‘Imran:190)

Waktu malam juga digunakan untuk melakukan ibadah. Oleh itu, sajak ini turut memberikan gambaran betapa ibadah itu sebenarnya perlu dilakukan dengan segala penumpuan dan ketenangan agar meraih kekhusyukan dalam beribadat. Ibadat tersebut akan menjadi sia-sia sekiranya tiada penumpuan dan sukar dilaksanakan.

Perhatikan pula puisi Suhaimi Haji Muhammad yang berjudul “Kamar Paling Sunyi Dipilihnya” (1999). Puisi ini juga mengemukakan tentang persoalan sunyi. Sunyi ini selalunya merujuk waktu tengah malam bagi menunaikan ibadah dalam kesunyian agar lebih khusyuk beribadah dan memohon doa kepada Allah. Perhatikan bait-bait puisi tersebut:

Kamar paling sunyi
Inilah yang dipilihnya
Dia kembali semula
Pada alun bisikan kalbunya

Alun bisikan kalbunya
Mengatasi segala gema suara
Dari lembah dan gunung

Dari tanah terdengar bisikan abadi
Menggema sampai ke dinding dan lantai
Dia mengenal dari siapa
Dan dari mana

Dia hanya menggilap lidah tajamnya
Embun gugur ke tanah
Lelah dan gundah.

(Suhaimi Haji Muhammad, 1999:25)

Dalam puisi tersebut, Suhaimi Haji Muhammad menggambarkan manusia yang akhirnya kembali kepada Allah setelah melalui kelalaian dan ujian hidup. Bait “Alun bisikan kalbunya mengatasi segala gema suara dari lembah ke gunung” menunjukkan kesungguhan seseorang memohon restu dan keampunan Allah. Namun, gaya bahasa Suhaimi yang ringkas tetapi sarat perlambangan menjadikan maksud puisinya bersifat peribadi dan agak sukar ditafsir oleh pembaca. Perhatikan pula puisi seterusnya ini, berjudul “Malam-malam dengan Lampu-lampu Kecil” dalam *Simfoni Perjalanan* (1999):

Malam-malamku
Dengan lampu-lampu kecil

Malam-malamku
Dengan aku yang kecil

Malam-malamku
Padam lampu yang kecil

Yang tinggal, aku dan Satu
Sirna yang lain.

(Suhaimi Haji Muhammad, 1999:63)

Penggunaan diksi malam sering dikaitkan dengan ibadah dalam melaksanakan solat dan usaha untuk khusyuk atau fokus dalam melaksanakan ibadah. Secara ringkasnya, boleh ditafsirkan puisi di atas berkaitan dengan kejiwaan Suhaimi Haji Muhammad ketika melaksanakan solatnya dalam gelap seolah-olah dunianya menjadi kecil hanya tinggal dirinya dan Tuhannya sahaja. Begitulah perasaannya ketika melaksanakan solat dalam keadaan sepi, sunyi dan gelap cuba ditampilkannya dalam puisi. Mungkin juga Suhaimi Haji Muhammad mempunyai tafsiran yang berbeza dalam puisinya ini. Walau bagaimanapun, penggunaan diksi yang minimum menjadi faktor bagi susah mentafsir maksud sesuatu puisi, atau menyebabkan khalayak tersalah tafsir.

Dari sudut yang lain pula, Yahya M.S memberikan gambaran dalam sajak-sajaknya tentang cara-cara beribadah dengan betul, iaitu dengan memberikan penumpuan yang sepenuhnya agar meraih kekhusyukan dalam mencari keredaan Allah. Persoalan tentang ibadah ini juga turut dikembangkan dalam sajak-sajak Yahya M.S, antaranya ialah sajak “Semua Jalan Menuju Arafat”:

[...]

Demi memancar subuh pagi tarwiah
derap kaki para abid
bergeseran berdentuman
deru roda kafilah-kafilah
menderum mendesing
seperti tiada akan sempat
seperti tiada waktu lagi
menyambut dan menyahut:
Arafat telah mula memanggil
melaung dan membangunkan segala salur nadi dan saraf.

[...]

Malam Arafat
turun Tuhan ke bibir langit
membawa maghrifah, rahmat dan berkat
ambillah, lahaplah
bagaikan engkau tak pernah jemu
bagaikan inilah saja masa terakhir.

(Yahya M.S, 2007:107-119)

Peringatan terhadap masa manusia yang singkat di dunia ini diingatkan penyair agar memanfaatkannya dengan sebaik-baiknya untuk mengamalkan ibadah. Perkataan “lahaplah” bermaksud rebutlah peluang tersebut sehabis-habisnya, iaitu peluang beribadah kepada Allah seperti seolah-olah ajal sudah mendekati.

[...]

Hari ini, para abid
Tuhan melihat ke lubuk hatimu
maka,
mahukah engkau jadi kekasih-Nya
selamanya, bukan hari ini hanya
seperti anak Abi Talib, katanya:
“Selagi ada hari Arafat
tak mahu aku tinggalkan
kerana banyaknya orang merdeka
dari gigitan rantai neraka.”
ingatlah di hidup ini:
ketika ini:
Ihram yang putih itulah kafanmu
padang yang luas itulah mahsyarmu

jalan yang sesak itulah siratmu
air setitik itulah kautharmu
panas yang terik itulah seksamu
haji yang mabrur itulah jannahmu
semua dengan amalnya
semua dengan balasannya.

(Yahya M.S, 2007:107-119)

Puisi di bawah ini pula Yahya M.S menyeru dan mengingatkan manusia agar tidak leka atau lalai dalam menunaikan ibadah. Perhatikan bait “jangan ditangguhkan kepada esok, dudukmu dan tawamu belum dapat dijamin, akan kekal seperti sekarang”; bait-bait ini mengingatkan umat manusia agar sentiasa menjalankan suruhan Allah kerana Allah amat berkuasa untuk menarik segala kenikmatan yang dirasakan manusia. Semua kenikmatan itu bila-bila akan diambil semula oleh Allah. Allah berkuasa menghidupkan, Allah juga berkuasa mematikan. Perhatikan pula bait di bawah “bila tiba maghrib, jangan ditangguh kepada subuh kerana itu tanda-tanda kehilanganmu dan kerugianmu yang tiada akan berganti,” bait ini juga mengingatkan bahawa masa-masa yang perlu dimanfaatkan adalah ketika waktu malam. Waktu malam sememangnya waktu yang sesuai untuk seseorang beribadat dan berdoa meminta kepada Allah.

[...]
Jadilah dikau para kelana, sabda nabi
jika datang hari ini
jangan ditangguhkan kepada esok
dudukmu dan tawamu belum dapat dijamin
akan kekal seperti sekarang
bila tiba maghrib
jangan ditangguh kepada subuh
kerana itu tanda-tanda kehilanganmu
dan kerugianmu yang tiada akan berganti, maka
bangunkanlah nafas daripada alpamu
kerana harimu semakin haus dikikis zaman.

(Yahya M.S, 2004:06)

Ibadah puasa merupakan suatu keistimewaan yang diberikan kepada umat manusia. Semasa berpuasa, umat Islam menahan diri daripada lapar dan dahaga serta menjaga segala perlakuan dan adab. Umat manusia dapat merasa nikmatnya lapar lalu

berasa bersyukur atas nikmat yang telah diberikan oleh Allah selama ini. Perasaan lapar ini juga menyebabkan umat Islam menghargai rezeki dan menyedari akan kekurangan golongan-golongan yang memerlukan seperti fakir miskin. Berpuasa pada bulan Ramadan bukan sekadar kenikmatan puasa, tetapi keistimewaan bulan Ramadan sebagai bulan yang penuh berkat menyebabkan ramai umat Islam khusyuk dan tawaduk beramal pada bulan Ramadan. Pada bulan Ramadan inilah umat Islam berlumba-lumba melakukan ibadah. Apatah lagi dalam bulan Ramadan ini terdapat malam yang disebut sebagai malam “lailatulqadar” yang disamakan dengan seribu bulan. Perhatikan puisi di bawah ini:

Di manakah dikau wahai malamku?
 Jenuh kuketuk pintu demi pintu
 Jerih kukuak jendela demi jendela,
 Ruang-ruang yang lepas lapang
 Ufuk yang tiada sudah terawang
 Engkau ada di batas tiada
 Bisikan panggilanmu, aku cemburu;
 Manalah dadamu akan kurangkul
 Manalah rupamu akan kutatap
 Betapalah rupawannya dikau, wahai malamku.

Rangkap di atas, Yahya M.S memberikan gambaran tentang umat Islam yang menunggu, mencari dan menginginkan malam “lailatulqadar”. Penyair menggambarkan keresahan seseorang yang berulang kali menjenguk pintu dan jendela sebab menantikan kedatangan seseorang. Begitulah juga perasaan seseorang yang resah dan teruja menanti kedatangan malam “lailatulqadar”. Rangkap seterusnya ini pula menggambarkan harapan seseorang yang mendambakan malam “lailatulqadar” yang akan memanfaatkannya untuk beribadah sesungguhnya memohon ampun kepada Allah dan mengharapkan pengampunan-Nya. Perhatikan rangkap seterusnya ini:

Amat panjang perjalanan ini
 Dendam berahi yang seribu purnama
 Adakah pernah dicapai hasratnya
 Biar sedetik pun cukup direguk
 Lepaskan juga barang dahagaku;
 Selama hayat jadi impian:
 Kan dijadikan ufti untuk Kekasihku;
 Mudah-mudahan kupeluk ampun-Nya

Dan nipis murka-Nya kepadaku
Lalu diterima-Nya aku duduk di sisi-Nya
Selamanya, sampai Hari Bangkit.

...

Puas kucari engkau di pintu Kaabah
Puas kutinjau engkau di lantai Raudhah
Suaramu bergema di lembaran mashaf
Engkau kusebut di dalam tahlil
Engkau kuingat di titian takbir
Engkau kuzikirkan di garis tahmid
Engkau menari di alun tasbih
Engkau kubujuk di hamparan tahajud
Di celah bibir engkau kupuja
Turunlah engkau malamku sayang.

(Yahya M.S, 2007:126/127)

Persoalan tentang ibadah ini turut juga ditekankan dalam masa atau bulan-bulan tertentu. Yahya M.S turut menyindir segolongan umat Islam yang cuma giat beribadah dalam bulan-bulan istimewa ini sahaja. Persoalan ibadah ini boleh dilihat melalui sajak “Ramadan” (2007):

Ais dan api
dalam rahmat dan restu meresapi
berangkat ke tangan Tuhan
mengucup dahi cintanya Ramadan.

Jauh dinihari
suara memecah nadi
kitabullah khusyuk terbuka lagi
mencari berkat dan takwa
malam gada yang mesra

tadahlah tangan di atas kening
mintalah berkat hari pengantin

(Yahya M.S, 2007:32)

Yahya M.S menggunakan perlambangan “pengantin” dalam puisinya untuk menggambarkan sikap umat Islam terhadap bulan Ramadan. Seperti pengantin yang berdebar dan penuh harapan sebelum perkahwinan tetapi kembali tawar

setelah semuanya selesai, begitulah juga ramai umat Islam yang bersemangat beribadah pada awal Ramadan tetapi mula leka menjelang pertengahan hingga akhir bulan. Beliau menegur sikap ibadah yang tidak konsisten dan mengajak pembaca menyedari kelekaan sendiri. Selain itu, penyair turut menekankan nilai kemanusiaan sejagat seperti tolong-menolong dan keprihatinan sosial. Rezeki yang Allah berikan hanyalah sementara, maka manusia digalakkan berkongsi nikmat melalui zakat, wakaf dan sedekah sebagai sebahagian daripada ajaran Islam. Dalam sajak “Elegi Seorang Keramat” juga turut menekankan tentang persoalan ini:

[...]
ketuk di pintunya senyumannya terdedah
ah! Hanya seorang peminta sedekah:
masuklah, nasi tinggal sepinggan
jika kemahuan ada datanglah keinginan
lepas itu berangkat tanpa salam
nafas kencang dengan dadanya yang membenam.

(Yahya M.S, 2007:35-36)

Persoalan seterusnya menekankan tentang tanggungjawab manusia dalam kehidupan, termasuklah berkongsi harta dengan mereka yang memerlukan serta usaha individu menempuh kehidupan seharian. Kekayaan dan kemiskinan berkait rapat dengan usaha mencari rezeki dan menambah ilmu untuk meningkatkan kemampuan diri. Dari perspektif pemberi, keikhlasan dalam berkongsi diuji, manakala penerima perlu berusaha memajukan diri. Dalam sajak “Nyanyian O’ang Jaih-jaih”, Yahya M.S menekankan bahawa manusia perlu berusaha menggunakan tenaga dan kemampuan sendiri, bukannya hanya berserah kepada Tuhan atau menunggu pemberian orang lain:

Nya dangan,
“Awu! Baiklah menulis surat
minta bahagian zakat.”
“Eh, inda ‘wang
mun selagi mengarawat tulang,
jangantah menarik temberang
nya orang tua-tua;
selagi bekarih
berisitah marih.”
[...]
menempuh jalan hidup bertatih

tak ingat menyerah
tak perlu marah:
menganyam hidup meniti nasib
tentu ada masanya angin baik
untuk laju melayari lautan esok.

(Yahya M.S, 2004:35-37)

Yahya M.S menggambarkan suasana kehidupan masyarakat Islam untuk mengajak pembaca berpegang teguh kepada ajaran Islam. Beliau sering mengaitkan peristiwa sejarah Islam, hari kebesaran, dan keindahan seni bina Islam dalam puisinya, bukan sekadar menggambarkan tetapi juga menganalisis dan memercikkan idea agar umat Islam kembali kepada tradisi dan tamadun klasik Islam. Puisinya memfokuskan aspek budaya dan sosial, menilai gejala positif dan negatif masyarakat, serta menggunakan pengamatan akal untuk mentafsir, menyindir, dan memberikan kritikan secara halus. Menurut Mana Sikana (1985), pendekatan Yahya M.S ini menunjukkan bahawa beliau menulis dalam lingkungan masyarakat yang dialaminya, berbeza dengan penyair metafizik atau mistik, namun dari segi teknik penulisan, puisinya tetap jelas dan mudah difahami.

Pendapat Mana Sikana dalam meneliti puisi Yahya M.S ini sebenarnya bertepatan dengan tujuan penciptaan puisi olehnya. Yahya M.S sendiri mengakui bahawa puisi-puisinya memang berkaitan dengan masyarakat dan agamanya. Beliau menjelaskan:

“Sesungguhnya para penulis hidup dalam masyarakatnya, tidak boleh lari daripada mempersoalkan masyarakatnya yang sebenar. Dalam masa yang sama sebagai orang Islam ia tidak boleh lari daripada agamanya. Dengan demikian hasil karyanya mesti akan mempersoalkan kehidupan agama, kebangsaan, kemasyarakatan, politik dan kebudayaan yang berkait dengan dirinya sebagai warga.”

(Yahya M.S, 2007:xiii)

KESIMPULAN

Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad berdakwah melalui puisi dengan menekankan hablun minallah, iaitu hubungan manusia dengan Allah. Dakwah mereka merangkumi persoalan ketuhanan, sifat-sifat Allah, ibadah, takwa, keimanan, kezuhudan dan akhlak mulia, bertujuan menyedarkan manusia tentang kebesaran Allah dan kekerdilan manusia sebagai hamba-Nya. Puisi mereka tidak sekadar menyeru kepada kebaikan tetapi juga memperkukuh keimanan serta kepercayaan terhadap Islam.

Suhaimi Haji Muhammad, walaupun puisinya lebih kabur dan bersifat mistik serta eksistensial, tetap menonjolkan aspirasi Islam dan persoalan kerohanian. Sebaliknya, Yahya M.S menghasilkan puisi yang lebih mudah difahami khalayak melalui pemilihan diksi dan lambang yang tepat, berkait dengan masyarakat, budaya, sejarah dan amalan Islam. Pendekatan ini menjadikan puisi Yahya M.S lebih akrab dengan pembaca, manakala Suhaimi tetap menyampaikan dakwah melalui simbolisme dan peribadi puisi yang mendalam, menunjukkan kedua-dua penyair berjaya menyebarkan nilai-nilai Islam melalui karya mereka.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dilaksanakan di bawah Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam sebagai sebahagian daripada tanggungjawab kerjaya penulis sebagai seorang akademik dalam menghasilkan penulisan dan sumbangan ilmiah.

PENDANAAN

Penulisan ini tidak ada pendanaan. Penyelidikan ini dijalankan secara bebas, tanpa tajaan atau peruntukan geran, dan tidak mewakili kepentingan mana-mana individu, institusi atau organisasi luar.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Semua data yang menyokong dapatan kajian ini disertakan dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Penulis tiada sebarang konflik kepentingan berhubung dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini. Semua pandangan dan hasil yang dikemukakan berdasarkan pertimbangan akademik semata-mata.

PERNYATAAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN GENERATIF

Dalam proses penyediaan makalah ini, penulis telah menggunakan perisian kecerdasan buatan generatif, iaitu ChatGPT secara terhad bagi tujuan meningkatkan kejelasan bahasa, kelancaran struktur ayat dan penyuntingan gaya penulisan. Segala idea, hujah, analisis, tafsiran serta dapatan kajian ialah hasil pemikiran, penelitian dan tanggungjawab ilmiah penulis sepenuhnya.

Selepas penggunaan ChatGPT, penulis telah menyemak, menilai dan mengedit kandungan dengan teliti bagi memastikan ketepatan fakta, kesahihan akademik serta pematuhan kepada etika penyelidikan dan penulisan ilmiah. Oleh itu, penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keseluruhan kandungan karya ini.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- A. Kamis Haji Tuah. (1992). “Yahya M.S Peranan dan Sumbangan dalam Kesusasteraan Bercorak Islam” dlm. *Bahana*. Mac: Jil 27, Bil 137. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahman Hanafiah. (1978). “Sajak-sajak Eksperimen Malaysia” dlm. *Dewan Bahasa*, April. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Juned. (1996). “Sastera Islam Mesti Bersuluh kepada Wahyu dan Ilmu Islam” dlm. *Simposium Serantau Sastera Islam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arif Karkhi Abu Khudairi. (2007). “Yahya M.S: Penyair Kembara Jauh” dlm. *Pangsura*, Jan-Jun, Bil. 24, Jil. 13. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1994). “Konsep Sastera Islam: Rintisan dan Tanggapan Sasterawan Negara Brunei Darussalam” dlm. *Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-VIII*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.
- Hashim Haji Abd Hamid. (2004). *Titipan Bawah Peningkah*. Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- Hashim Haji Abd. Hamid. (2002). *Bicara Sastera Brunei*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Ismail Hamid. (1987). “Kata Pengantar” dlm. *Polemik Sastera Islam Kassim Ahmad Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ibrahim. (1977). “Soal Kenapa Kita Mesti Bercakap tentang Sastera Islam” dlm. *Dewan Sastera*. Ogos. Jil. 7, Bil. 8. Kuala Lumpur: Bandar Seri Begawan.
- Kamal Haji Lamat. (2013). “Kumpulan Puisi Derus Perjalanan Kembali Seorang Abid Karya Yahya M.S.: Satu Aplikasi Teori Takmilah” dlm. *Latihan Penyelidikan (Tidak Terbit)*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Kamariah Kamaruddin. (2000). “Kumpulan Puisi Wujud: Kajian Takmilah” Tesis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lufti Abas. (1988). “Sajak-sajak Yahya M.S dalam antologi Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang dan reinterpretasi Sastera Islam di Nusantara” dlm. *Bahana*. Jun, Jil. 23, Bil. 91. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1985). “Yahya M.S sebagai Penyair Islam” dlm. *Bahana*. Januari, Jil. 20, Bil. 50. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Sastera.

- Markandi Haji Kuris. (2012). *Simbolisme dalam Sajak-sajak Karya Yahya M.S.* Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Shahidan. (2010). "Suhaimi Haji Muhammad Avant Garde" dlm. *Dewan Sastera*, November. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Kamal Hassan. (1996). "Seni, Sastera dan Agama: Suatu Kesepaduan" dlm. *Simposium Serantau Sastera Islam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morsidi Haji Muhammad. (2006). "Puisi Yahya M.S: Antara Penggunaan Citra dan Perlambangan dengan Tema" dlm. *Pangsura*, Jan-Jun 2006. Bil. 22, Jil. 12. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morsidi Haji Muhammad. (2010). *Puisi Moden Brunei Sebelum Merdeka (1940–1983): Satu Kajian tentang Tema, Citra dan Perlambangan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hamdi Mohd Yussof. (2010). "Nilai-nilai Islam dalam Kumpulan Puisi Perjalanan Terakhir Anakku yang Hilang". Latihan Ilmiah. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Nahmar Jamil. (1971). "Bunga di Atas Batu, Penyair Suhaimi Tidak Boleh Diketepikan" dlm. *Utusan Zaman*, Edisi 31 Januari. Malaysia.
- Rahman Shaari. (1975). "Puisi Suhaimi Seratus Peratus Prosa?" dlm. *Berita Mingguan*, Edisi 1 Jun. Malaysia.
- Ramli Isin. (1974). "Reformis dalam perkembangan teknik perpuisian Melayu di Malaysia" dlm. *Utusan Zaman*, 5 Mei. Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan.
- Samsina Abd. Rahman. (2013). "Kembali ke Fitrah dalam Puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad" dlm. *Jurnal Melayu*, Jilid 11, Dis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsina Hj. Abd. Rahman. (2014). "Pemikiran Tasawuf dalam Puisi Suhaimi Haji Muhammad" dlm. *Dewan Sastera*, November. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1977). "Sudut Pandangan Sastera Islam" dlm. *Dewan Bahasa*. Julai, Jil. 21, Bil. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. (1999). *Simfoni Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. (2000). *At-Tariq: Kumpulan Puisi Mistik dan Kerohanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. (1983). *Menganyam Bulan*. Kuala Lumpur: Tra-Tra Publishing.
- Umar Junus. (1980). *Sikap Pemikiran dalam Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya M.S. (1962). *Warna Menggugat Zaman*. Bandar Seri Begawan: Pustaka Chahaya Brunei.

- Yahya M.S. (1988). *Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya M.S. (1998). *Menghayati Sastera Islam Abad ke-21*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya M.S. (2007). *Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya M.S. (2004). *Nyanyian Perjalanan Mencari Diri dari Muara ke 'Arafat*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.